

# UTAM cetus fenomena baru

Pada hari Ahad bersamaan 25 Ogos 2013 yang lalu, satu simposium telah berlangsung di Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM). Simposium tersebut diberi nama Simposium UTAM.

UTAM adalah akronim kepada Universiti Terbuka Anak Muda, mereka sebenarnya terdiri daripada anak muda Malaysia yang kini merupakan siswa di pelbagai universiti di pelbagai negara sama ada di United Kingdom, Amerika, Jepun, Jordan, Mesir, Arab Saudi dan pelbagai lagi termasuk Malaysia.

Anak muda ini bergabung hanya melalui atas talian dan membuka laman Facebook rasmi mereka, laman sesawang dan akaun YouTube atas nama Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM). Antara aktiviti teras mereka adalah syarahan individu daripada ahli-ahli organisasi bebas tanpa hierarki itu secara atas talian pada masa dan hari yang sudah ditetapkan.

Individu dan tajuk pembentangan adalah bebas berdasarkan kepada kesesuaian dan kecenderungan ahli tersebut dan biasanya mereka banyak membicarakan dan berkongsi ulasan mengenai buku-buku yang mereka sudah baca tanpa batasan genre tertentu. Bermula daripada buku genre agama, falsafah, sejarah, pemikiran sehinggalah

genre travelog.

Mereka sokong-menyokong antara satu sama lain walaupun saya yakin ada di antara mereka hanya berkenalan melalui atas talian sahaja atas nama bagi membudayakan wacana intelektual. Bukan sahaja kru, namun sesiapa sahaja yang punya kemahuan dan idea bagi dikongsi akan diberi peluang bagi memberikan syarahan malah mereka juga menjemput tokoh-tokoh tertentu yang sudi.

## Tokoh politik pelbagai warna

Simposium Ahad lalu memperlihatkan komitmen kru UTAM bagi mendatangkan satu budaya wacana intelektual yang sudah lama hilang dari kalangan siswa Malaysia. UTAM berusaha mengembalikan budaya intelektual kritis, ini terpancar jelas daripada tajuk yang menjadi fokus simposium dan juga tokoh-tokoh yang dijemput.

Bermula dengan ucapan perasmian oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin kemudian diikuti ucapama bertajuk "Budaya Ilmu dalam Tajdid Politik Malaysia" oleh Profesor Dr Muhammad Zainiy Uthman, profesor dalam bidang pemikiran dan tamadun Islam yang juga merupakan seorang

daripada pentadbir Centre for Advance Studies On Islam, Science and Civilisation (Casis), Universiti Teknologi Malaysia.

Program diteruskan dengan perbentangan kertas kerja oleh jurnalis, pengkritik sosial dan penganalisis politik bebas tanah air, Fathi Aris Omar dengan pembentangannya yang bertajuk "Demokrasi, Melayu dan Islam". Kertas kerja kedua dibentangkan oleh Dr Mohammad Alinor, mantan pensyarah dan kini aktivis intelektual bebas khusus dalam bidang matematik dengan tajuk "Pendidikan Kritis dan Kreatif Berasaskan Budaya Sendiri".

Sesi petang pula telah diadakan sebuah forum yang juga mendatangkan tokoh-tokoh politik sekali gus intelektualis seperti Wan Saiful Wan Jan, Ketua Pegawai Eksekutif Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Profesor Dr Tajuddin Rasdi, seorang akademik dan YB Liew Chin Tong, kedua-dua mereka daripada DAP. Forum bertajuk "Intelektual Awam dan Politik: Merentas Semangat Partisan" dipengerusikan oleh Anas Alam Fazli, kru UTAM.

Tiba-tiba saya tertanya, di manakah wakil daripada Pas (atau Dewan Pemuda Pas Pusat)? Apakah mereka memang tidak menjadi pilihan utama kru UTAM bagi program ini atau ada yang sudah

dijemput tiada yang dapat memenuhi jemputan atau bagaimana? Hanya kru UTAM tahu jawabannya!

## Dimensi politik baru

Melihat kepada gelagat anak muda UTAM yang semuanya adalah ulat buku dan lebih selesa berbicara hal-hal serius berkaitan masa depan agama, politik dan ekonomi negara rentas pragmatisme taksub partisan secara kritis dan analitis, seakan ada sinar yang begitu cemerlang untuk generasi baru Malaysia menuju ke atas keadilan sosial yang sejagat selari dengan tuntutan Islam.

Ironinya semester baru universiti tempatan akan berlangsung tidak lama lagi, ia akan memperlihatkan gelagat siswa tempatan sama ada yang berjenama jemaah atau persatuan masih terbelunggu dan pening bagi memikirkan program apa semester ini yang mahu mereka anjurkan. Ini kerana mungkin pilihan yang terlintas di benak majoriti daripada mereka - forum dengan tajuk Monyetnya Cinta Kita atau Berukkah Cinta Mereka!

\*Zahiruddin Zabidi adalah calon Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Sejarah & Tamadun Islam) – <http://zahiruddin-zabidi.blogspot.com/>